

# F.A.Q

## Soalan Lazim/F.A.Q

**Q: Ada apa-apa syarat atau had umur ke nak sewa kereta dengan CARHOOD/AMCARSERVICES?**

A: Tiada sekiranya anda memiliki lesen memandu yang sah. Lesen Percubaan (P) tidak diterima.

**Q: Boleh atau tidak menyewa kereta tanpa lesen?**

A: Tak boleh. Seksyen 26 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

**Q: Apakah dokumen yang diperlukan untuk menyewa kereta?**

A: Kad pengenalan, Lesen Memandu Kelas D yang sah terkini & Bil Utiliti terkini tempat tinggal. Kad Pelajar bagi pelajar institusi pengajian tinggi. Bagi sesetengah kes, kami berhak meminta dokumen tambahan.

**Q: Boleh sewa dua tiga jam atau separuh hari?**

A: Minimum sewaan adalah 12 jam.

**Q: Kami student, ada 'harga student' tak?**

A: Tiada.

**Q: Duit sewa kena bayar sebelum atau selepas guna kereta? Kalau sewa terma bulanan boleh bayar ansuran?**

A: Bayaran penuh perlu dijelaskan sebelum atau semasa kereta diserahkan kepada anda. Tiada terma bayaran secara ansuran ditawarkan.

**Q: Ada deposit tak? Kalau ada, berapa lama dapat balik?**

A: Setiap tempahan slot kereta sewa perlu disertakan deposit sekuriti berjumlah RM 20.00 semasa mengambil kereta. Deposit akan dikembalikan sekiranya tiada masalah berlaku seperti kecuai pemandu yang membuat kereta rosak/tercalar.

**Q: Kalau saya nak 'cancel' tempahan kereta sewa duit dapat balik tak?**

A: Duit tempahan akan dikembalikan walaupun penyewa membatalkan tempahan selepas slot disahkan.

**Q: Andaikata saya nak tambah masa sewaan, macamana prosedurnya?**

A: Untuk tambahan masa sewa, sila maklumkan kepada pihak kami terlebih dahulu sebelum sewaan semasa tamat untuk semakan kekosongan slot. Jika slot masih sesuai, anda boleh menambah sewaan kereta. Bayaran tambah masa perlu diselesaikan sebelum tamat sewaan asal.

**Q: Macamana dengan petrol? Dapat full tank ke?**

A: Anda perlu mengisi petrol sendiri.

**Q: Perlu ke saya cuci kereta sebelum pulangkan?**

A: Perlu. Kebersihan kereta mesti sama seperti anda menerima kereta.

**Q: Boleh hisap rokok tak dalam kereta?**

A: Tak boleh. Bagi menghormati pelanggan yang tidak merokok dan mengekalkan kondisi kereta yang bersih. Caj RM40.00 akan dikenakan jika kereta berbau rokok, durian etc.

**Q: Bagaimana jika ada saman (PDRM/JPJ/Parking) semasa saya guna kereta sewa?**

A: Deposit anda akan digunakan untuk membayar saman tersebut. Jika tidak mencukupi, kami berhak membuat tuntutan ke atas penyewa sehingga saman selesai.

**Q: Saya ada terlanggar sikit masa nak parking. Bumper ada calar/kemek/pecah. Kira macam mana ya?**

A: Bagi kerosakan dalam kategori kecuaiian (negligence), setiap kerosakan kecil seperti calar, kemek biasa, atau kategori contingency seperti tayar pancit/pecah langgar 'pothole', cermin kena batu/crack, kos baik pulih ditanggung sepenuhnya oleh penyewa. Anda dinasihatkan untuk memberikan kerjasama dalam perbincangan kaedah bayaran ganti rugi yang sesuai. Proses pembaikan hanya dilakukan di bengkel panel kami untuk menjamin harga yang rendah, 'downtime' yang minimum dan kualiti pembaikan yang mencapai standard.

**Q: Kalau terlibat kemalangan dengan pihak ketiga, macamana nak settle?**

A: Bagi kemalangan melibatkan pihak ketiga yang memerlukan laporan polis dibuat untuk tuntutan, pihak AMCARSERVICES akan bekerjasama dengan anda. Bagi kemalangan yang disebabkan oleh kecuaiian anda sendiri, walaupun kos baik pulih ditanggung oleh pihak takaful, ganti rugi yang perlu anda bayar adalah termasuk saman dari pihak berkuasa (jika ada), dan jumlah Non Claimant Discount (NCD) semasa kenderaan yang terlibat, dan tuntutan ini akan diperincikan oleh pihak AMCARSERVICES untuk kefahaman anda.